

LAMPIRAN 15D (samb.)

Di sini adalah persetujuan Kerajaan berkenaan dengan penyerahan tersebut seperti yang terkandung dalam Surat Ikatan Penyerahan (Borang Piawai Lampiran B Surat Pekeliling Perbendaharaan mengenai skim Bekalan Bahan-bahan Binaan) tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- (a) Apa-apa kewajipan yang dikenakan ke atas Kerajaan melalui surat ikatan penyerahan tidaklah dengan apa jua cara memudarangkan atau menjelaskan apa-apa hak Kerajaan atau kuasa pegawai penguasa di bawah terma-terma dan syarat-syarat kontrak, termasuk perkara-perkara berhubung dengan pembayaran terus kepada sub-kontraktor dinamakan (nominated sub-contractor) dan pembekal dinamakan (nominated suppliers) dan potongan daripada apa-apa jua wang yang kena dibayar kepada tuan di bawah kontrak.
- (b) Apa-apa pembayaran yang dibuat kepada Pemegang Serahak oleh Kerajaan hendaklah dianggap sebagai pembayaran itu dibuat kepada tuan di bawah terma-terma dan syarat kontrak tersebut dan adalah satu penyelesaian yang cukup dan sah bagi tanggungan Kerajaan terhadap pembayaran di bawah kontrak tersebut.
- (c) Sebarang syarat termasuk syarat-syarat mengenai pembayaran faedah atas kelewatan bayaran yang dikenakan oleh Pemegang Serahan kepada tuan tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan di bawah ikatan penyerahan ini.
- (d) Tuan adalah bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada Kerajaan atas sebarang kerosakan, perbelanjaan sampingan, liability, kerigian atau seumpamanya yang ditanggung oleh Pemegang Serahak akibat daripada penyerahan ini.